

17/09/2003

Dekati rakyat kunci tawan Kelantan: Najib

KUALA LUMPUR: Umno Kelantan perlu mengukuhkan barisan kepimpinan dan mengelak sebarang masalah dalaman jika mahu hasrat menawan Kelantan pada pilihan raya umum akan datang tercapai.

Pada masa yang sama, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata Umno Kelantan perlu memastikan barisan kepimpinannya sentiasa berdampingan dengan rakyat bagi mencapai hasrat itu.

"Peluang untuk menawan Kelantan sentiasa ada tetapi Umno perlu melakukan segala persiapan yang membolehkannya berjaya," katanya pada sidang media di pejabatnya di Wisma Pertahanan di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Umno Kelantan mempunyai peluang cerah untuk memenangi pilihan raya umum di negeri itu kerana Pas sudah kehabisan isu dan gagal menunaikan janji.

Presiden Umno berkata, aset utama Umno negeri itu sekarang ialah kelemahan Pas, tetapi Umno Kelantan perlu berjuang untuk menjamin kemenangan.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, berkata sekarang tiada isu besar yang boleh diutarakan Pas di Kelantan, sebaliknya parti itu gagal membawa kesejahteraan rakyat di negeri itu serta di Terengganu.

Oleh itu, katanya, Umno Kelantan dan Terengganu sepatutnya boleh membawa keinginan rakyat terhadap perubahan di kedua-dua negeri itu dengan berdampingan dengan mereka seterusnya menang pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya percaya pemimpin Umno di kedua-dua negeri itu faham apa yang mereka lakukan dan terpulang kepada mereka sendiri untuk memenuhi cita rasa rakyatnya.

"Saya percaya rakyat akan memberi kepercayaan kepada Umno untuk memerintah kedua-dua negeri itu pada pilihan raya akan datang," katanya.